

TARIKH	23 JANUARI 2026 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	PEMANGKIN KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM		
M/S	18 (LOKAL)	KATA KUNCI	SALARY, SSPA
BIDANG	CIVIL SERVICE		

PELARASAN GAJI FASA KEDUA

Pemangkin kecemerlangan perkhidmatan awam

Kuala Lumpur: “Pelaksanaan kenaikan gaji baharu Fasa Kedua di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) mulai semalam diharap menjadi pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan awam, selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI,” kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Beliau berkata, pelarasan gaji ini merupakan usaha kerajaan menjaga kebajikan penjawat awam, sekali gus memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terus diperkukuh.

“Alhamdulillah, seperti janji Kerajaan MADANI, semalam 22 Januari 2026, merupakan tarikh kenaikan gaji baharu bagi Fasa Kedua di bawah SSPA,” katanya dalam hantaran di Facebook, semalam.

Beliau berharap gaji baharu dapat memberi kelegaan kepada penjawat awam, sambil menasihatkan mereka berbelanja berhemah dan mengutamakan

simpanan.

“Semoga ia menjadi pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan awam yang berterusan,” katanya.

Penjawat awam yang memilih SSPA menerima pelarasan gaji Fasa Kedua pada pembayaran gaji mulai semalam (22 Januari), dengan kadar kenaikan di kira berdasarkan gaji akhir pada 31 Disember lalu.

Meskipun pelarasan berkuat kuasa pada 1 Januari lalu, pembayaran dibuat semalam iaitu tarikh pembayaran gaji bagi bulan berkenaan.

Pelarasan gaji Fasa Kedua merupakan kesinambungan kenaikan gaji di bawah SSPA yang diumumkan pada 2024, melibatkan kadar keseluruhan 15 peratus bagi Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P), menerima tambahan kenaikan sebanyak tujuh peratus serta tujuh peratus bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT).